

Memperkukuhkan Kredibiliti Institusi Fatwa Dalam Menghadapi Cabaran Semasa Di Malaysia¹

Ahmad Hidayat Buang, PhD
Universiti Malaya

Pendahuluan

Maksud kredibiliti ialah keupayaan untuk dipercayai atau diyakini. Tidak syak lagi masyarakat Islam secara umumnya mempercayai apa yang dibawa oleh para ulama. Bahkan ada di antara mereka menjadi pengikut yang fanatik kepada sesetengah ulama itu sehingga mempercayai membuat tuli apa sahaja yang dibawa oleh ulama berkenaan. Tidak kurang pula ada di kalangan anggota masyarakat Islam yang membenci ulama yang tidak sealiran dengan ulama dokongan mereka. Oleh itu timbullah label-label ulama akhirat dan ulama *su'*, *ulama 'amilin*, *ulama haraki*, ulama ibadat dan lain-lain. Perkara ini bukanlah sesuatu yang pelik dalam sejarah Islam kerana sejak dari dahulu lagi terdapat pelbagai pertembungan dan pergeseran serta persaingan antara golongan agama ini. Namun begitu, umat Islam termasuk pemerintah secara umumnya menghormati ulama-ulama termasuk para Mufti yang menjadi tonggak atau lambang legitimasi kepada sesebuah pemerintah dan masyarakat Islam itu sendiri. Penghormatan yang diberikan adalah kerana keperibadian dan keilmuan seseorang alim atau Mufti. Dapat dikatakan keperibadian seseorang alim atau Mufti menjadi penentu kepada penghormatan yang akan diterimanya daripada masyarakat. Oleh itu sifat-sifat peribadi seperti zuhud, tawaduk, amanah, taqwa dan seumpamanya adalah hiasan ulama atau Mufti berkenaan. Selain itu, ajaran Islam mewajibkan umatnya menghormati ulama kerana risalah Islam diwarisi kepada mereka sebagai *warasatul anbiya*, terlebih lagi al-Quran sendiri telah mengangkat darjat orang berilmu sekurang-kurangnya dalam empat ayat di dalam surah Mujadilah (11), Zumar (9), Nisa' (162) dan Fatir (28). Dan maksud berilmu di dalam ayat-ayat berkenaan ditafsirkan sebagai ilmu agama. Begitu juga terdapat banyak hadis-hadis yang memerintah supaya kita menghormati para ulama.

Peranan ulama untuk membimbing masyarakat Islam secara fungsionalnya pada masa kini dimainkan oleh Mufti terutama yang dilantik oleh pemerintah atau yang diiktiraf oleh masyarakat. Dengan perkembangan semasa yang pantas dan kompleks ini, sudah tentulah institusi fatwa menempuh pelbagai cabaran. Begitu juga keupayaan institusi fatwa untuk melakukan persiapan dan persediaan bagi menghadapi cabaran berkenaan. Jika pihak institusi fatwa tidak melakukan sesuatu yang bersifat pro aktif dan preventif dengan melakukan analisis SWOT sebagai contohnya, maka sudah tentulah pihak masyarakat akan meragui kebolehan mufti dan keberkesanan fatwa untuk menyelesaikan masalah mereka. Dalam hubungan ini sesuatu fatwa itu tidak boleh dilihat sebagai terlalu

¹ Kertas ini dibentangkan di Seminar Isu-isu Kefatwaan Kontemporari 2016: Fiqh Kontemporari Dalam Menepani Realiti Semasa Masyarakat Malaysia pada 10 Mac 2016 di Institute of Advanced Islamic Studies, Kuala Lumpur. Sebarang komentar boleh dihantar melalui emel kepada - hidayat.buang@gmail.com

konservatif sebagaimana dalam sesetengah masyarakat ataupun terlalu liberal. Fatwa seharusnya sesuai dan bersifat sederhana dalam menyelesaikan permasalahan masyarakat Islam dan oleh itu menjadi tugas yang agak mencabar bagi institusi fatwa bagi mencari keseimbangan ini. Kertas ini bertujuan untuk membuat sedikit analisis ringkas bagaimana untuk memperkukuhkan kredibiliti institusi fatwa dalam menghadapi cabaran semasa di atas. Sebelum membincangkan cabaran-cabaran yang dihadapi, kertas ini akan menjelaskan beberapa konsep dan latarbelakang fatwa seperti sejarah dan saikologi masyarakat Islam terhadap institusi rasmi fatwa. Diharapkan dengan adanya penjelasan ini, perbincangan kertas ini lebih sempurna dan holistik.

Sejarah Mufti

Dengan berkembang disiplin ilmu dalam sejarah Islam, pengajian agama dalam pelbagai bidang diamanahkan kepada mereka yang mahir dan berkeahlian sahaja. Orang awam tidak dibenarkan memberikan pandangan mengenai agama, bahkan mereka diminta supaya mengikut pandangan mana-mana orang alim atau ulama yang diiktiraf dalam mana-mana mazhab yang sah melalui doktrin *taqlid*. Melalui doktrin ini bukan sahaja orang awam malah golongan ilmuan juga diminta mengikut mana-mana mazhab empat yang diiktiraf kerana ijtihad dilarang atau ditutup atas alasan semua masalah agama sudah disusun, ditarjihkan dan ditulis. Memandangkan terdapat pelbagai aliran dan kefahaman mengenai perkara agama di samping faktor-faktor politik dan pentadbiran, pemerintah melantik seorang alim yang telah menerima latihan keagamaan secara formal untuk menjadi Mufti.

Tujuan pelantikan ini secara umumnya adalah untuk mendapatkan satu pandangan agama yang selaras untuk digunakan dalam pemerintahan. Lazimnya mengikut tafsiran sesuatu mazhab yang dipilih. Sebagai contoh mazhab Maliki di Afrika dan mazhab Syafi'i di Nusantara. Sejarah Islam memberitahu kita ulama mazhab Hanafi seperti Abu Yusuf dilantik sebagai Ketua Kadi bagi kerajaan Bani Abbasiyyah, Abu Su'ud sebagai Mufti bagi kerajaan Uthmaniyyah, Shaikh Nizam bagi kerajaan Mughal India. Bermula dari itu kita dapati kesemua pemerintah Islam di mana mereka berada akan melantik seorang Mufti. Bahkan dalam masyarakat Islam yang tinggal di negara bukan Islam juga melantik seorang alim yang boleh mereka rujuk dalam perkara agama.

Mufti Sebagai Asas Kepada Konsep *Ulama wa Umara'*

Tidak syak lagi Mufti yang dilantik oleh samada Sultan atau masyarakat mempunyai tanggungjawab dan amanah yang sangat besar iaitu membimbing masyarakat Islam dalam perkara agama dan mempertahankan dan mengembangkan Syariatnya. Sesuai dalam tradisi ulama Sunnah, kerjasama antara pemerintah dan ulama termaktub dalam konsep yang dilaungkan itu *al-ulama (al-fuqaha') wa al-umara' (al-sultan)*. Origin kepada konsep ini berpunca daripada hadis riwayat Ibn Abbas. Ianya disokong melalui ayat al-Quran di dalam surah al-Nisa (59) yang memerintahkan ketaatan kepada pemerintah atau

Ulu al-Amri. Oleh itu didapati terdapat kerjasama erat antara pemerintah dan ulama dalam tradisi Ahlu Sunnah sejak dari dahulu lagi melalui pelantikan seorang alim membantu pemerintahan negara. Oleh yang demikian konsep *wilayatul faqih*, yang dipelopori oleh sesetengah kalangan atau konsep *mursyidul am*, di mana seorang alim mempunyai kekuasaan untuk membatalkan keputusan pimpinan atau syura adalah satu perkara baharu yang mungkin berbeza dengan prinsip atau konsep *al-ulama' wa al-umara'* seperti yang dihuraikan di atas. Ini adalah kerana prinsip berkenaan berlandaskan kepada doktrin mazhab Shiah yang mengiktiraf kelayakan seorang *marja'* untuk berijtihad dalam perkara agama.

Sungguhpun konsep ulama dan umara ini diperkukuhkan dengan pelantikan mufti-mufti rasmi, namun sejarah Islam selalu memaparkan kontestasyon atau pertembungan antara ulama dan umara'. Kemuncak daripada pertembungan ini adalah peristiwa antara Imam Ahmad bin Hanbal dan Khalifah al-Ma'mun dalam perkara yang berkaitan dengan *khalq al-Quran*. Bahkan ada sarjana yang menyatakan bahawa sistematika ilmu Usul al-Fiqh yang begitu kompleks dan teknikal adalah natijah daripada percubaan untuk memonopoli aspek agama di tangan agamawan akibat daripada penguasaan pemerintah dalam urusan siyasah (Mohamad Hashim Kamali, 1996). Kisah-kisah sejarah ini diwarwarkan secara meluas kepada masyarakat umum Islam sehingga menimbulkan syak wasangka masyarakat bahawa ulama yang menyokong pemerintah itu sebagai tidak ikhlas atau mempunyai tujuan-tujuan yang tidak murni seperti kekayaan, pengaruh dan tidak kurang juga kedudukan. Bahkan ada yang mengeluarkan kata-kata penghinaan.

Walaupun tidak dapat dinafikan ada sesetengah ulama yang melakukan kesalahan di atas, namun ianya tidak boleh dijadikan satu kesimpulan umum. Atas faktor bebanan sejarah ini kita dapati terdapat persepsi atau konotasi negatif masyarakat bagi ulama yang memegang jawatan dalam kerajaan sebagai bersekongkol dengan pemerintah yang dikatakan sekular atau melakukan perkara maksiat. Perkara ini timbul pada pandangan saya kerana rata-rata masyarakat Islam masakini lebih mementingkan keperibadian individu seseorang pemimpin atau ulama melebihi daripada polisi-polisi positif pemerintahan yang cuba dibawa oleh pemimpin berkenaan seperti pembangunan, pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Dengan kata lain masyarakat Islam lebih mementingkan perwatakan atau siapa (*who*) daripada dasar pemerintahan atau apa (*what*). Perkara ini sudah tentulan bertentangan dengan Hadis yang memerintahkan umat Islam supaya memerhatikan isi nasihat yang dibawa oleh seseorang itu dan bukan kepada siapa yang memberi nasihat itu dan ketaatan itu wajib diikuti walaupun ia datang dari seorang yang berkulit hitam (maksud dari hadith).

Mufti dan Ifta' di Zaman Moden

Dengan perkembangan masa dan kemajuan dalam bidang sains dan teknologi, peranan Mufti atau *Ifta'* (memberi fatwa) tidak lagi terhad kepada seorang individu atau Mufti. Tanggungjawab dan peranan ini sudah dikongsi bersama

secara kolektif melalui penubuhan jawatankuasa atau lajnah fatwa yang mengeluarkan fatwa di atas nama badan atau pertubuhan. Maka fatwa sebegini berasaskan kepada apa yang dikenali sebagai *fatwa jama'i*. Begitu juga terdapat badan-badan fatwa yang hanya mengkhususkan kepada bidang-bidang tertentu sahaja seperti jawatankuasa Syariah bank-bank Islam yang akan hanya mengeluarkan fatwa dalam bidang kewangan dan perbankan. Banyak kebaikan daripada pengeluaran fatwa dalam bentuk ini. Antaranya jawapan fatwa akan menjadi lebih kemas dan baik kerana ia dipersetujui, jika tidak kesemua pun, oleh kebanyakan anggota lajnah fatwa berkenaan. Ini akan menjadikan fatwa berkenaan lebih mudah untuk diterima oleh masyarakat.

Di sesetengah negara seperti Brunei, Arab Saudi, Mesir, Jordan, Turki (termasuk negara bukan Islam seperti Singapura dan Thailand) serta lain-lain negara, pemerintah telah menubuhkan badan-badan rasmi untuk memberi jawapan hukum dalam bentuk fatwa kepada masyarakat Islam. Manakala sesetengah negara lain terutamanya Indonesia sungguhpun terdapat badan fatwa (MUI) ianya dianggap sebagai badan bukan kerajaan, namun begitu pemerintah Indonesia menerima fatwa yang dikeluarkan oleh MUI bagi tujuan-tujuan bimbingan dan nasihat kepada umat Islam di negara itu terutama dalam aspek perbankan dan perlesenan barangan halal. Begitu juga di peringkat antarabangsa, kita akan mendapati pelbagai badan fatwa seperti Rabitah, Majma' al-Fiqh dan sebagainya yang mengeluarkan fatwa yang bersifat kegunaan umum umat Islam sedunia. Di Malaysia, oleh kerana faktor sejarah dan perundangan, badan fatwa ditubuhkan di peringkat negeri. Sungguhpun begitu terdapat penyelarasan dari segi perbincangan dan kepentingan bersama dengan penubuhan Jawatankuasa Fatwa di peringkat pusat. Malaysia mungkinnya satu-satu negara yang tidak mempunyai seorang Mufti negara, tetapi mempunyai seramai 14 orang Mufti akibat daripada latarbelakang sejarah dan perundangan. Terdapat pro dan kontra kepada keadaan ini, jawapan yang diberikan bagi menjustifikasikannya ialah memberi peluang pekerjaan yang lebih banyak kepada lulusan agama dan lagi lebih banyak fikiran maka masalah akan dapat diselesaikan dengan lebih mudah. Namun begitu terdapat juga aspek negatifnya terutama wujud pelbagai fatwa yang mungkin boleh mengelirukan masyarakat.

Isu-isu Institusi Fatwa di Malaysia

Berlatarbelakangkan mentaliti atau psikologi masyarakat terhadap kedudukan Mufti dan ulama dalam pemerintahan, maka terdapatnya persoalan atau isu penerimaan terhadap fatwa dan institusi fatwa di Malaysia. Kajian-kajian masa dahulu seperti oleh YBhg Dato' Dr. Othman Ishak pada tahun 1981 mendapati bahawa bukan sahaja masyarakat tidak menghormati fatwa bahkan juga pemerintah sendiri. Yang dimaksudkan pemerintah di sini ialah agensi pemerintahan seperti Mahkamah, pegawai kerajaan dan seumpamanya. Punca mengapa masyarakat tidak menghormati fatwa ialah kerana autoriti fatwa berkenaan tidak kukuh dan perbezaan fatwa antara negeri-negeri yang menyebabkan kekeliruan. Masalah ini sebahagian besarnya sudah diatasi. Manakala dapatan-dapatan oleh pengkaji-pengkaji masakini adalah pelbagai di mana kajian oleh Raihanah Abdullah mendapati sebanyak 72.8 peratus daripada

5000 responden yang disoal selidik dari seluruh negara memberi jawapan bahawa mereka berpuashati dengan jawapan yang diberikan oleh Mufti di dalam fatwa (2004:155). Sedangkan kajian oleh Hasnan Kasan menunjukkan masih terdapat isu dalam penerimaan fatwa di Malaysia di mana beliau menyatakan golongan yang tidak menerima fatwa ini terdiri daripada mereka yang mempunyai pendidikan tinggi dan ilmu yang luas berkenaan hukum-hakam perundangan Islam atau mereka yang datang dari aliran politik pembangkang dan mereka yang mempunyai kepentingan (2008:129-130). Sebagai alternatifnya mereka merujuk kepada badan-badan lain untuk mendapatkan jawapan hukum seperti parti politik, NGO agama, guru agama dan pensyarah Universiti. Alasan yang diberikan kerana jawapan hukum daripada kalangan ini adalah lebih menyakinkan, bersih daripada keraguan, bersikap adil dan menepati kurang kaedah perundangan Syariah (?) (131).

Jawapan ini juga selaras dengan dapatan Raihanah Abdullah yang menyatakan bahawa tidak ramai anggota masyarakat yang merujuk kepada Mufti untuk penyelesaian hukum iaitu sebanyak 5 peratus daripada 5000 responden di atas, sungguhpun alasan yang diberikan adalah berbeza daripada Hasnan iaitu masalah yang ditanya kepada kepada para Ustaz atau Imam masjid adalah perkara harian yang melibatkan soal jawab agama yang tidak perlu sampai kepada Mufti. Namun tidak dinafikan terdapat anggota masyarakat sebagaimana mengikut kajian Raihanah menyatakan mereka tidak yakin atau percaya dengan kebebasan Mufti kerana berada dalam kerangka sekular dan menyebelahi pihak berkuasa politik. Manakala lain-lain alasan yang diberikan ialah sukar untuk menghubungi Mufti kerana terdapat formaliti pejabat dan jawapan yang diberi tidak tegas atau berbeza-beza (2004: 154-55). Sungguhpun demikian kajian terkini yang dilakukan oleh Ahmad Hidayat dan Che Rohaizan (2016) mendapati penerimaan fatwa pelajar IPTA di Selangor menerima dengan baik fatwa yang diputuskan oleh Mufti. Faktor penerimaan ini mungkin berpunca daripada teknologi terkini yang digunakan bagi sebaran fatwa serta penjelasan terhadap fatwa yang diberikan.

Antara isu-isu lain yang menjejaskan kredibiliti institusi fatwa di Malaysia ialah perkara yang berkaitan dengan pentadbiran fatwa berkenaan seperti prosedur fatwa, dokumentasi, sebaran dan keanggotaan jawatankuasa fatwa; autoriti fatwa dari segi perbezaan dan keselarasan serta penjelasan terhadap fatwa; isu perundangan dan pelaksanaan dan penguatkuasaan. Isu-isu ini sudah banyak disentuh oleh pelbagai penyelidik di atas. Oleh itu tidak perlu saya huraikan setiap satunya secara terperinci. Namun begitu rasanya kita perlu berlaku adil kepada institusi fatwa di Malaysia kerana usaha-usaha telah dibuat secara berterusan untuk memantapkan institusi fatwa di Malaysia. Sebagai contoh kesemua fatwa yang diwartakan atau yang dibincangkan dalam mesyuarat jawatankuasa fatwa yang difikirkan perlu dan penting akan disebar melalui sesawang e-fatwa JAKIM. Sebaran fatwa ini bukan sahaja mengenai jawapan fatwa terhadap soalan yang dikemukakan bahkan juga melampirkan sekali kertas perbincangan fatwa berkenaan bagi tujuan bacaan dan rujukan. Perkara ini sekaligus akan meningkatkan kepercayaan masyarakat kepada fatwa.

Yang dimaksudkan dengan institusi fatwa di sini ialah yang berada di bawah bidangkuasa negeri melalui pejabat jabatan Mufti dan juga JAKIM yang mengurus Setia Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan Muzakarah Fatwa Kebangsaan. Sungguhpun terdapat Majlis Pengawasan Syariah Perbankan dan Kewangan Islam di peringkat Nasional di bawah Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti, peranan badan ini lebih khusus kepada urusan kewangan dan lazimnya tiada isu yang berbangkit daripada resolusi-resolusi yang dikeluarkan kerana ianya tidak menyentuh masyarakat awam secara langsung di mana resolusi berkenaan adalah bagi kegunaan institusi kewangan serta diperkuatkan dengan sanski perundangan iaitu Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan garis panduan Bank Negara Malaysia. Seterusnya Akta Bank Negara 2019 memperkukuhkan kedudukan Majlis Penasihat ini dengan mewajibkan rujukan dibuat kepadanya (termasuk Mahkamah dan Penimbangtara) apabila timbul isu berbangkit yang melibatkan kewangan Islam. Demikian juga telah diputuskan oleh kes-kes Mahkamah serta diperkuatkan oleh undang-undang berkaitan bahawa forum yang mempunyai bidang kuasa membicarakan pertikaian kewangan Islam adalah Mahkamah Sivil. Oleh yang demikian sungguhpun terdapat ramai penulis yang cuba untuk mengaitkan Majlis ini sebagai sebuah institusi fatwa di Malaysia, namun pada pandangan saya ianya tidaklah berada dalam kategori yang sama dari segi peranan dan bidangkuasa perundangan yang diperuntukkan kepada institusi fatwa negeri-negeri.

Cabaran-cabaran Dalam Memperkukuhkan Kredibiliti Institusi Fatwa

Dalam rangka usaha untuk memperkukuhkan kredibiliti institusi fatwa di Malaysia, pada fikiran saya, terdapat beberapa cabaran yang perlu diatasi seperti berikut:

Penjelasan Fatwa Kepada Masyarakat

Telah dijelaskan oleh banyak pengkaji sejak dari dahulu lagi bahawa masyarakat keliru dengan kepelbagaian fatwa. Sungguhpun telah dijelaskan oleh beberapa penulis bahawa kepelbagaian fatwa itu adalah suatu perkara lumrah dalam perundangan Islam (Abdul Monir Yaakob, 2006: 191-214), namun masyarakat awam masih tidak dapat menerimanya terutama yang melibatkan isu-isu kontroversi seperti hukum melabur dalam ASN/ASB dan sebagainya. Apatah lagi dalam masyarakat Islam sekarang yang mempunyai banyak maklumat berikutan dengan kemudahan bacaan dan telekomunikasi moden. Begitu juga dengan kemunculan golongan Islam yang memperolehi maklumat daripada bahan bacaan atau ceramah dalam Bahasa Inggeris. Sudah tentu cara berfikir dan perhubungan golongan ini berbeza dengan cara golongan masyarakat Islam yang selama ini memahami Islam di dalam bahasa Melayu. Mahu tidak mahu pihak Jabatan Mufti perlu memikirkan satu mekanisme bagaimana untuk menjelaskan perbezaan ini bagi mengurangkan kekeliruan masyarakat terutama dalam menghadapi cabaran dari golongan masyarakat Islam yang bertutur dan bercakap di dalam bahasa Inggeris. Oleh yang demikian para Mufti serta juga

warga organisasinya perlu mempunyai kemahiran dan penguasaan dalam Bahasa Inggeris selain daripada Bahasa Melayu dan Arab.

Masalah yang saya perhatikan di dalam isu ini ialah terdapat ramainya pendakwah dari kalangan asatizah yang diundang di masjid dan surau serta forum dan media elektronik memberi pandangan peribadi terhadap fatwa-fatwa yang mempunyai kepentingan ramai. Keadaan ini telah menimbulkan kekeliruan dan kadang-kadang “kebencian” kepada para Mufti yang telah berbincang mengeluarkan fatwa berkenaan. Ini tidak termasuk sebaran-sebaran dalam media sosial yang bersifat rejoinder serta komen-komen yang diberikan oleh pengikut (followers) atau pembaca page atau blog asatizah berkenaan. Turut mendukacitakan ialah kadang-kadang kritikan ini juga datang daripada Mufti dan anggota organisasi fatwa sendiri yang meremehkan atau mempertikaikan fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan tanpa memperdulikan adab-adab dalam perbezaan pandangan dan menjaga kemuliaan institusi fatwa berkenaan sebagai badan yang bertindak bagi pihak *wali’ul amri* demi untuk kepentingan masyarakat Islam yang mereka sendiri menjadi anggota atau kakitangannya.

Oleh itu di sini saya ingin mencadangkan supaya pihak jabatan Mufti dapat mengadakan perbincangan dengan asatizah berkenaan supaya isu-isu perbezaan pandangan ini dapat dirapatkan jurangnya. Begitu juga mungkin perlu ada saluran di mana asatizah ini diberi peluang untuk melahirkan pandangan mereka supaya fatwa-fatwa yang dikeluarkan itu dapat mempertimbangkan pandangan-pandangan tersebut. Mungkin badan seperti Majlis Perundingan Islam atau Majlis Dakwah Malaysia boleh menjadi platform kepada tujuan ini. Cadangan ini saya kemukakan kerana masyarakat Islam secara umumnya amat rapat dengan golongan pendakwah melalui perhubungan mereka di kuliah-kuliah pengajaran di masjid-masjid dan lain-lain tempat. Saya percaya para Mufti dan pegawainya tidak mempunyai anggota yang mencukupi untuk turun ke lapangan. Oleh itu dengan cara berinteraksi dan berdialog dengan golongan ini dapat mengurangkan perbezaan yang ada dan seterusnya akan mengurangkan kekeliruan masyarakat dan dengan ini boleh meningkatkan lagi kredibiliti institusi fatwa.

Kaedah dan Proses Pengeluaran Fatwa

Sudah dinyatakan bahawa kritikan yang diberikan oleh masyarakat terutama golongan cerdik pandai pengajian Islam terhadap fatwa ialah kaedah dan proses fatwa berkenaan yang dikatakan tidak memuaskan. Perkara ini adalah subjektif dan mungkin terdapat unsur-unsur bias kerana fatwa melibatkan perkara *ijtihadi*. Sebagai contoh terdapat penulis yang mengkritik bahawa penggunaan *qawl da’if* dalam mazhab, penggunaan undian dalam membuat keputusan serta rujukan kepada adat Melayu sebagai bercanggah dengan perundangan Islam. Sudah tentulah pandangan ini merupakan sesuatu yang bersifat peribadi, namun apabila ianya diwarwarkan kepada masyarakat yang tidak faham tentang selok belok perundangan Islam akan menganggapnya sebagai benar-benar menyalahi perundangan Islam. Oleh yang demikian bagi menjelaskan kepada masyarakat dan juga kepada asatizah atau pendakwah yang mungkin tidak mempunyai asas

yang kuat dalam ilmu fatwa dan ijtihad, proses pengeluaran fatwa perlu diperjelaskan terutama dari segi asas-asas atau sumber yang digunakan.

Sebagaimana maklum undang-undang memperuntukkan bahawa rujukan utama dalam pengeluaran fatwa di Malaysia adalah *qawl* muktamad dalam mazhab Syafi'i. Namun undang-undang juga memberi peluang rujukan kepada mazhab lain jika terdapat kepentingan umum atau *masalahah*. Dengan perkembangan pesat dan perubahan dalam masyarakat akibat daripada kemajuan, pembangunan, kemodernan, perhubungan, percampuran serta faktor globalisasi maka pendekatan-pendekatan lain juga telah diambil dalam pengeluaran fatwa seperti penggunaan *qawl da'if* dalam mazhab serta *talfiq* (percampuran mazhab) terutama dalam urusan ibadat. Begitu juga dengan anjuran sesetengah pihak terhadap penggunaan *masalahah* melalui prinsip *maqasid* dan juga *darurah* terutama dalam perkara kepentingan umum seperti ekonomi. Oleh yang demikian amatlah wajar bagi badan fatwa di Malaysia menjelaskan proses-proses fatwa berkenaan. Sebagai contoh di Indonesia komisi fatwa MUI menjelaskan mereka menggunakan kaedah pengtarjihan dalam pengeluaran fatwa yang mempunyai kepentingan nasional. Yang dimaksudkan dengan pengtarjihan ialah dengan mengambil pandangan yang paling kuat atau *rajih* berasaskan kepada nas-nas Syariah di samping meraikan keperluan dan *masalahah* masyarakat seperti yang terkandung dalam prinsip *maqasid*, *'urf* dan *ma'alat*. Pada pandangan saya ini adalah juga kaedah Usul dalam mazhab Syafi'i iaitu pengtarjihan berdasarkan kekuatan dalil sebagaimana yang boleh kita lihat dalam fatwa Imam Nawawi dan Fatwa Ibn Hajar. Oleh yang demikian peruntukan undang-undang yang memerlukan badan fatwa mengikut *qawl* muktamad mazhab Syafi'i boleh diperluaskan kepada kaedah Usul mazhab Syafi'i. Jika ini berlaku saya percaya fatwa-fatwa itu dikeluarkan akan menjadi selaras dengan perkembangan masyarakat dan negara serta menjadikan fatwa tersebut lebih berkredibel.

Institusi Fatwa Sebagai Badan A-Political

Antara kritikan yang sering kedengaran ialah badan fatwa sering tunduk kepada penguasa politik. Sebagai contoh apabila pemerintah Arab Saudi mendapatkan fatwa melarang rakyatnya menyertai mana-mana kumpulan jihad di luar negara melainkan dengan kebenaran pemerintah, maka fatwa berkenaan dikatakan oleh sesetengah pihak sebagai percubaan untuk menyekat kumpulan jihad di luar negara. Begitu juga apabila Sheikh al-Azhar mengeluarkan fatwa melarang demonstrasi jalanan, maka ianya dikatakan sebagai fatwa yang memihak kepada pihak kerajaan. Maka begitulah seterusnya contoh-contoh yang boleh ditunjukkan. Sudah tentu dakwaan sebegini adalah tidak benar, kerana gagal untuk memahami penggunaan kaedah penolakan kerosakan (*dar' al-mafasid*) yang mungkin akan berlaku jika perbuatan-perbuatan berkenaan diteruskan. Begitu juga di Malaysia ketika Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan memutuskan keharusan GST dikatakan menyebelahi pemerintah dan pada masa dahulu fatwa negeri Kedah dalam isu "syuhada" Memali. Ini juga berpunca daripada isu politik yang didebatkan sebelum fatwa berkenaan dikeluarkan.

Tidak dapat dinafikan bahawa fatwa sedikit sebanyak akan menyentuh isu-isu politik. Namun begitu jika seseorang itu membuat kajian secara saksama, terdapat juga fatwa-fatwa yang melarang pihak pemerintah samada daripada melakukan atau menghentikan daripada melakukannya. Sebagai contoh upacara meletakkan bunga di tugu pahlawan terdapat fatwa yang melarangnya (sungguhpun fatwa ini ditarik balik, namun tidak dibatalkan). Begitu juga fatwa melarang penggunaan vape dan banyak lagi. Tidak ramai yang tahu penukaran lambang palang merah kepada bulan sabit merah di hospital kerajaan adalah usaha dan perjuangan para Mufti. Bahkan ada Mufti yang ditamatkan perkhidmatannya kerana ketegasan dalam mempertahankan fatwa sebagaimana yang pernah berlaku di Selangor dahulu. Pokok persoalan di sini ialah bagaimana untuk menjadikan institusi fatwa itu bebas daripada dilihat sebagai alat kepada pemerintah. Di Malaysia perkara adalah mudah kerana badan fatwa dan Mufti ini terletak di bawah institusi Raja yang berada di atas politik serta berkecuali. Namun begitu ini mungkin tidak mencukupi kerana terdapat kritikan yang menyatakan institusi fatwa adalah cabang daripada agensi kerajaan terutama dari segi jawatan dan kewangan. Manakala Mufti dan pegawai Mufti adalah penjawat awam dan ini sudah tentulah menyebabkan mereka terikat dengan arahan kerajaan. Apatah lagi ada Mufti di Malaysia berada dalam jawatan kontrak. Oleh itu akan terdapat tohmahan kecenderungan Mufti untuk menyokong pemerintah, walaupun ini adalah tidak benar dan hanya timbul dari persepsi.

Daripada apa yang didapati daripada penyelidikan lepas, apa yang dikehendaki oleh masyarakat ialah para Mufti ialah memberi jawapan hukum dengan tegas dan jelas. Dengan perkataan lain, pihak Mufti hendaklah mempunyai keberanian memberi jawapan hukum demi kemaslahatan dan kepentingan umat Islam semata-mata, walaupun kadang-kadang ianya mungkin dikatakan bertentangan dengan intepretasi sesetengah pihak yang mungkin tidak faham dengan situasi Malaysia. Perkara ini jelas berlaku di dalam amalan perbankan dan kewangan Islam di Malaysia, di mana jikalau badan penasihat Syariah perbankan dan kewangan Islam Malaysia tidak mempunyai keberanian untuk mengeluarkan fatwa-fatwa tertentu yang menyentuh beberapa konsep seperti *Bay' al-'Inah*, *Murabahah*, *Ta'wid*, *Bay' al-Dayn* dan sebagainya, sudah tentu Malaysia tidak akan mencapai kejayaan dalam keewangan Islam yang pada masa sekarang menjadi rujukan dunia. Kita tahu bahawa banyak ulama dari dunia Islam terutama Timur Tengah dan Pakistan mengkritik fatwa-fatwa berkenaan sebagai tidak patuh Syariah. Oleh yang demikian, perkataan sering digunakan dalam sektor berkenaan ialah kreatif dan inovatif, dalam konteks badan fatwa mungkin bermaksud penyelesaian hukum yang mampu menyelesaikan masalah semasa terutama yang menyentuh kepentingan umum.

Rampaian (Miscellaneous)

Terdapat lagi beberapa cabaran dalam rangka untuk memperkukuhkan kredibiliti institusi fatwa terutama yang menyentuh dari segi pentadbiran dan perundangan. Namun bagi saya perkara ini bukanlah perkara besar dalam konteks untuk mengukuhkan kredibiliti sesebuah institusi. Perhatian serius hendaklah diberikan kepada tiga perkara di atas yang telah saya bentangkan.

Namun begitu kita melihat semenjak daripada pembaharuan pentadbiran undang-undang Islam dilakukan pada akhir 1990an dengan penubuhan Jabatan Mufti di negeri-negeri di Malaysia. Serentak dengan itu kita menyaksikan penubuhan jabatan baru di peringkat persekutuan seperti JAKIM, JKSM dan JAWHAR. Namun kita belum melihat jabatan khusus yang menguruskan soal fatwa. Perkara ini mungkin dirasakan tidak perlu kerana skop tugas yang mungkin kecil dan perkara ini boleh diuruskan oleh JAKIM. Apatah lagi ketika ini terdapat suara-suara yang memprotes jumlah peruntukan kewangan JAKIM yang dikatakan besar. Apapun, tidak syak lagi penubuhan Jabatan Mufti berkenaan telah memberi kesan yang positif kepada fatwa, iaitu perjawatan dan kemudahan pejabat yang lebih baik serta fungsi dan skop tugas yang lebih terfokus.

Terdapat beberapa saranan agar kelulusan Mufti dipertingkatkan kepada sekurang-kurangnya memilik ijazah sarjana dalam bidang Syariah. Pada masa kini sudah terdapat beberapa Mufti di Malaysia yang mempunyai kelulusan PhD. Ini untuk meningkatkan kredibiliti Mufti dan institusi fatwa dari segi kelayakan akademik. Begitu juga dengan perjawatan di Jabatan Mufti haruslah diseimbang dari segi gender seperti melantik beberapa jawatan utama dan juga anggota jawatankuasa fatwa dari kalangan wanita. Alasan kepada pelantikan ini ialah kerana kebanyakan mereka yang berurusan dengan Jabatan Mufti adalah wanita. Pelantikan dari kalangan wanita agak mudah kerana tiada kontroversi seperti tiada nas Syarak atau sekurang-kurangnya pandangan ulama yang melarang wanita mengeluarkan fatwa sebagaimana adanya larangan dalam soal pelantikan Hakim Syarie.

Perkara seterusnya ialah isu perundangan terutama yang menyentuh penggunaan fatwa di Mahkamah. Terdapat cadangan supaya Mahkamah terikat dengan fatwa. Setakat ini hanya mahkamah Syariah terikat dengan fatwa. Mahkamah sivil tidak terikat dengan fatwa Mufti, namun dalam banyak keadaan fatwa tersebut dihormati dan diikuti (kecuali dalam konteks resolusi Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara di mana pihak Mahkamah terikat dengan resolusi yang dikeluarkan). Bahkan terdapat keadaan di mana pihak Mahkamah Sivil memohon fatwa daripada Mufti untuk membantu penyelesaian kes-kes. Begitu juga terdapat banyak keputusan fatwa diserapkan menjadi undang-undang dan peraturan kerajaan seperti dalam upacara keraian negara, peraturan pejabat, perkara yang berkaitan dengan halal, haram serta urusan pesakit di hospital. Satu contoh yang jelas ialah larangan pembedahan penukaran jantina di hospital-hospital di Malaysia berpunca daripada fatwa. Tidak banyak masalah atau isu dalam perkara ini, kerana pihak Jawatankuasa Fatwa mendapat kerjasama yang baik daripada professional dalam bidang berkenaan, namun penyerapan fatwa-fatwa dalam undang-undang atau pentadbiran kerajaan berlaku secara *ad-hoc* tanpa ada sebarang garis panduan tertentu. Terdapat juga isu-isu lain seperti pengeluaran fatwa dalam bentuk warta itu bertentangan dengan prinsip demokrasi dan isu penguatkuasaan fatwa. Perkara ini sudah banyak dibincangkan dan cadangan-cadangan pun sudah dikemukakan (Mohamad Hashim Kamali 1997-1998 dan Nooh Gadot, 2006).

Terdapat persoalan yang ditimbulkan iaitu peranan Jawatankuasa Fatwa samada di peringkat negeri atau Pusat yang menyentuh kewangan Islam. Sebagaimana yang dinyatakan di atas, bentuk dan tanggungjawab Majlis Penasihat Syariah Kewangan Islam ini adalah berbeza daripada badan fatwa negeri-negeri dan juga pusat. Namun begitu terdapat Mufti yang berpandangan bahawa adalah lebih baik terdapat penyelarasan antara kedua-dua badan ini seperti pemakluman mana-mana fatwa yang sensitif kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Perkara ini setakat ini tidak menimbulkan sebarang masalah kerana kebanyakan Mufti juga menjadi anggota badan penasihat Syariah di bank-bank. Begitu juga ada Mufti yang berpandangan, jika terdapat sebarang konflik antara Majlis Penasihat Syariah dan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan maka yang kemudian mempunyai keutamaan atau *precedence*. Ini adalah model di sesetengah negara seperti Arab Saudi di mana Majlis Fatwa Kebangsaan mereka mempunyai kuasa untuk mengatasi mana-mana fatwa lain yang dibuat dalam negara.

Kesimpulan

Sentimen atau psikologi masyarakat Islam terhadap Mufti rasmi yang dilantik oleh pemerintah sedikit sebanyak masih terbelenggu dengan bebanan sejarah lama iaitu melihat dengan konotasi skeptikal terhadap fatwa-fatwa yang dikeluarkan. Ini ditambah lagi dengan faktor-faktor sosial, kemajuan teknologi, pengaruh globalisasi dan kepentingan politik pihak-pihak yang sentiasa memberi cabaran kepada Mufti dan institusi fatwa dari segi kredibiliti anggota dan organisasinya. Sungguhpun terdapat beberapa kekurangan dan kelemahan, perkara ini sentiasa diperbaiki dari masa kesemasa. Namun begitu ketiga-tiga cabaran dari segi penjelasan fatwa, proses pengeluaran fatwa dan kebebasan badan fatwa jika dapat ditangani dan dicari penyelesaiannya, saya berpendapat langkah-langkah berkenaan akan dapat dan mampu memperkukuhkan lagi kredibiliti institusi fatwa di Malaysia.

Sekian, terima kasih.
Kuala Lumpur
10 Mac 2016

Rujukan

Abdul Monir Yaakob (2006). Kepelbagaian Fatwa: Kekuatan atau Kelemahan? Dalam Abdul Samat Musa et.al. (eds.). *Prinsip dan Pengurusan Fatwa di Negara-Negara Asean*. USIM, 191-214.

Ahmad Hidayat Buang & Che Rozaihan Che Rosli (2016). Persepsi dan Penerimaan Mahasiswa Terhadap Fatwa Negeri Selangor. *Jurnal Pengurusan Fatwa INFAD* (akan diterbitkan).

Hasnan Kasan (2008). *Institusi Fatwa di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.

Mohamad Hashim Kamali (1996). Methodological Issues in Islamic Jurisprudence. *Arab Law Quarterly*, Vol.11(1): 3-33.

Mohammad Hashim Kamali (1997-1998). Islamic Law in Malaysia: Issues and Developments. Dalam Euguen Contran and Chibli Mallat (eds.), *Yearbook of Islamic and Middle Eastern Law 1997-1998*, volume 4, London: Kluwer Law International. 153-179.

Nooh Gadot (2006). Pengurusan Fatwa di Malaysia. Dalam Abdul Samat Musa et.al. (eds.). *Prinsip dan Pengurusan Fatwa di Negara-Negara Asean*. USIM, 55-78.

Othman Ishak (1981). *Fatwa Dalam Perundangan Islam*. Oxford Fajar Bakti.

Raihanah Haji Abdullah (2004). Fatwa dan Masyarakat. Dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.). *Fatwa di Malaysia*. Jabatan Syariah dan Undang-undang, APIUM. 142-162